

01/08/1999

Enjin prototaip julang nama negara

Saufi Hamzah

SEMUANYA bermula empat tahun lalu apabila Petronas memasuki arena Formula Satu (F1) yang berteknologi tinggi, dengan menjadi penaja utama pasukan Red Bull Sauber Petronas.

Sejak matlamat awal iaitu mempromosi Malaysia dan Petronas, sebagai sebuah perbadanan petroleum kebangsaan yang bergiat di seluruh dunia, pembabitan dalam F1 membuka jalan bagi perbadanan itu untuk meningkatkan kegiatan dalam bidang kejuruteraan automotif.

Ia menjadi kenyataan berikutan penambahan kerjasama Petronas dengan Sauber, sebuah syarikat teknologi kejuruteraan automotif Swiss.

Pada Mac 1996, kedua-dua rakan kongsi itu menubuhkan syarikat usaha sama yang dikenali Sauber Petronas Engineering AG (SPE), dengan Petronas memegang ekuiti sebanyak 40 peratus.

Pada awalnya penubuhan syarikat itu adalah untuk memenuhi keperluan kejuruteraan pasukan Red Bull Sauber Petronas, SPE kemudiannya memulakan projek enjin komersil dengan dua objektif iaitu menggunakan teknologi enjin F1 untuk membuat rekaan dan membangunkan sebuah enjin komersil prototaip untuk Petronas dan mencapai keberkesanan pemindahan teknologi serta keupayaan kepada Malaysia dengan membabitkan jurutera Petronas dalam projek itu.

Seramai 15 jurutera Petronas dipilih untuk menubuhkan pasukan perintis untuk mencipta, membangunkan dan menyusun enjin komersil prototaip yang berprestasi tinggi.

Gabungan jurutera berpengalaman dan kakitangan muda, pasukan itu kemudiannya terbabit dalam setiap aspek penciptaan enjin, pembangunan dan dikumpulkan di bawah pengawasan rakan kongsi luar negara.

Diketuai pengurus projek/ketua pasukan, Azmi Abdullah, jurutera dibahagikan kepada tiga kumpulan kerja, iaitu CAD atau computer aided design, CAE atau computer-aided engineering dan unit pembangunan.

Seramai 12 daripada mereka berpusat di ibu pejabat SPE di Hinwil, Switzerland manakala selebihnya di West Sussex, United Kingdom.

Setahun kemudian, pasukan itu berjaya mencipta, membangunkan dan menyusun enjin komersil prototaip 2 liter.

Majlis 'menghidupkan' enjin buat kali pertama diadakan pada Februari 1998. Enjin yang padat, mesra alam dan ringan, membuktikan keupayaan yang tinggi apabila dipasang dalam dua kereta berbeza dan diuji di Litar Johor di Pasir Gudang pada Jun 1998.

Berikutan hasil positif program ujian itu, satu lawatan dianjurkan pada September untuk media Malaysia, memberi peluang kepada wartawan untuk melihat secara lebih dekat enjin prototaip berdasarkan teknologi F1.

Sekumpulan 13 pengarang dan wartawan kanan daripada pelbagai akhbar termasuk Berita Harian, majalah perniagaan dan dua stesen televisyen mengikut lawatan berkenaan.

Mereka turut berpeluang menyaksikan perlumbaan Grand Prix Luxembourg di Litar Nuerburgring, Jerman.

Program itu pada asasnya bertujuan memperbaiki kepekaan di kalangan media tempatan terhadap pembabitan Petronas dalam kegiatan F1, persiapan untuk pelancaran enjin prototaip, Petronas E01.

Akhirnya, enjin prototaip komersil pertama negara dilancarkan kepada umum pada 9 November 1998 dalam majlis yang dihadiri Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)